

Pengurusan Psikologi Kekeluargaan: Penelitian Terhadap Keperihalan Khadijah RA dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

[The Conduct of Family Psychology: A Comprehensive Review of Khadijah RA in *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*]

**Rahim Kamarul Zaman^{1*}, Mohd Khairul Naim Che Nordin,² Khairulnazrin Nasir,³ &
 Muhammad Adam Abd. Azid⁴**

¹ Department of Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, abdulrahimkz51@gmail.com, +6011-26017148,

² Department of Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, khairulnaim@um.edu.my, +603-79676014,

³ Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, khairulnazrin19@gmail.com, +6013-3242865,

⁴ Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, adamsaifulislam@gmail.com, +6017-9826482.

* Corresponding Author: Rahim Kamarul Zaman. Department of Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: abdulrahimkz51@gmail.com, Tel: +6011-26017148.

Keywords:

Conduct; Psychology;
 Family; Khadijah RA; *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

ABSTRACT

*The conduct of family psychology is an important element in the development of family institutions. The position of women in the family structure greatly influence their stability. The highlight of Khadijah's Binti Khuwaylid RA descriptions proves her privilege alongside the Messenger of Allah (PBUH). She was also considered the best woman among the Ummahāt al-Mu'minīn. Her ability to maintain the family psychological stability has been a catalyst for the sustainability of Islamic preaching to date. Therefore, this study aims to comprehensively review the description of Khadijah RA in the hadiths narrated in *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. This paper will also analyse the model of family psychology management that Khadijah RA has practised. The application of this theory is based on the qualitative method through a textual analysis approach. The results of this study found that Khadijah RA conducted various methods in managing family psychology that is appropriate for women to apply. In conclusion, the quality portrayed by Khadijah RA deserves to be considered as the best model of Islamic family psychology management.*

Kata Kunci:

Pengurusan; Psikologi;
 Kekeluargaan; Khadijah
 RA; *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

ABSTRAK

Pengurusan psikologi kekeluargaan adalah elemen penting dalam pembangunan institusi kekeluargaan. Kedudukan wanita dalam struktur kekeluargaan amat mempengaruhi kestabilannya. Sorotan terhadap keperihalan Khadijah Binti Khuwaylid RA membuktikan keistimewaan beliau di samping Rasulullah SAW. Beliau juga dinobatkan sebagai wanita terbaik dalam kalangan *Ummahāt al-*

Mu'minīn. Keupayaan beliau dalam memelihara kestabilan psikologi kekeluargaan berjaya menjadi pemangkin kelestarian dakwah Islam sehingga kini. Justeru, kajian ini bertujuan membincangkan keperihalan Khadījah RA berdasarkan hadis-hadis yang diriwayatkan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Makalah ini juga akan menganalisis model pengurusan psikologi kekeluargaan yang telah dipraktikkan oleh Khadījah RA. Kajian berbentuk aplikasi teori ini, digarap berasaskan metode kualitatif melalui pendekatan analisis teks. Hasil kajian ini mendapati keperihalan Khadījah RA adalah sarat dengan pelbagai metode pengurusan psikologi kekeluargaan yang sesuai diaplikasi oleh kaum wanita. Kesimpulannya, kualiti keperihalan Khadījah RA layak dinobatkan sebagai model terbaik pengurusan psikologi kekeluargaan secara Islam.

Received: March 21, 2020

Accepted: May 31, 2020

Online Published: June 11, 2020

1. Pendahuluan

Beberapa dekad kebelakangan ini, Malaysia telah mengalami proses pembangunan sosial yang pesat. Kesejahteraan sosial dan kekeluargaan menjadi elemen penting dalam pembangunan negara. Keutamaan ini diangkat sebagai misi nasional yang digariskan dalam Dasar Wanita Negara (DWN, 1989). Kemudiannya kombinasi pengupayaan potensi wanita dalam aspek kesihatan, psikologi dan kerohanian digariskan sebagai elemen penting dalam pembangunan negara. Sehubungan itu, misi pembangunan modal insan dalam Rancangan Malaysia ke-6 (1991-1995) didapati turut memberi penekanan terhadap aspek pembangunan wanita. Kemuncaknya, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) diperkenalkan kerajaan pada tahun 2009 sebagai usaha mengoptimumkan sumbangan mereka terhadap pembangunan negara (Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, 2009).

Kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN, 2011) menyatakan hubungan kekeluargaan dan kesihatan keluarga merupakan di antara tujuh domain utama penilaian kesejahteraan keluarga di Malaysia. Kajian LPPKN (2011) mendapati indeks Kesejahteraan Keluarga berada pada tahap 7.55 berbanding skor maksimum 10. Indeks Hubungan Kekeluargaan pula berada pada paras 7.82, manakala indeks Kesihatan Keluarga berada pada paras 7.38. Kadar tersebut menunjukkan tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia berada pada paras sederhana. Secara keseluruhannya, kesejahteraan psikologi sesebuah keluarga amat bergantung kepada kompetensi sokongan sosial yang terbina melalui interaksi interpersonal di dalamnya (Beavers & Hampson, 1990).

Justeru, adalah menjadi keperluan dilakukan suatu kajian aplikasi teori yang mengemukakan apresiasi terhadap kepentingan golongan wanita dalam menjamin kestabilan psikologi kekeluargaan. Penanda aras terbaik dalam lapangan ini adalah metode-metode pengurusan psikologi kekeluargaan yang diaplikasi dalam struktur kekeluargaan Rasulullah SAW. Sorotan terhadap keperihalan Khadījah Binti Khuwaylid RA berperanan sebagai isteri Rasulullah SAW dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* memaparkan variasi kelebihan dan keistimewaan beliau sebagai pengimbang kesejahteraan psikologi dalam struktur kekeluargaan Rasulullah SAW. Imam Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī RA telah meriwayatkan sebanyak 21 hadis yang menyentuh keperihalan Khadījah RA. Kompilasi hadis berkenaan dimuatkan dalam 9 *kitāb* dan 17 *bāb* berasingan.

Oleh itu, kajian ini membincangkan keperihalan *Ummu al-Mu'minīn* Khadījah RA dalam konteks pengurusan psikologi kekeluargaan yang boleh diadaptasi selaras dengan hasrat Dasar Wanita Negara (1989), objektif utama Rancangan Malaysia ke-6 (1991-1995) dan laporan LPPKN (2011).

2. Metodologi Kajian

Kajian ini hanya menumpukan kepada pemahaman tentang keperihalan Khadījah RA dalam konteks pengurusan psikologi kekeluargaan. Hal ini kerana Khadījah RA diiktiraf Rasulullah SAW sebagai wanita terbaik dalam kalangan *Ummahāt al-Mu'minīn*. Ketokohan beliau diyakini sebagai model terbaik yang wajar dicontohi sekalian wanita. Metode pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan metode perpustakaan, iaitu rujukan tertumpu kepada artikel jurnal, tesis, buku, prosiding, akhbar dan seumpamanya. Data dan maklumat tentang keperihalan Khadījah RA diperolehi menerusi penelitian terhadap *shurūḥ al-ḥadīth* bagi *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

Justifikasi pemilihan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* sebagai karya penelitian kajian ini adalah bertepatan dengan statusnya sebagai rujukan utama hadis Rasulullah SAW. Manakala data berkaitan konsep psikologi kekeluargaan adalah berdasarkan sumber-sumber ilmiah yang berkaitan.

Hadis-hadis yang membicarakan tentang keperihalan Khadījah RA secara langsung sahaja menjadi fokus kajian ini. Untuk tujuan ini, analisis dijalankan berasaskan metode kualitatif melalui pendekatan deskriptif semula. Pada akhir kajian, pengkaji memaparkan beberapa panduan pengurusan psikologi kekeluargaan berdasarkan teladan Khadījah RA dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang sesuai diaplikasi oleh kaum wanita tanpa mengambil kira elemen bangsa atau agama. Kajian turut mendapati, metode Islam dilihat mampu menyumbang kepada pembinaan jati diri wanita, khususnya para muslimah sehingga berupaya memelihara kestabilan psikologi keluarga, masyarakat dan negara.

3. Konsep Psikologi Kekeluargaan

Secara umumnya psikologi didefinisikan dalam *Kamus Dewan* (2016: 1237) sebagai kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan. Menurut Fariza (2016) psikologi adalah satu bidang ilmu yang mengkaji secara langsung terhadap hakikat insan dari aspek kejiwaan dan kemasyarakatan. al-'Uṭaybī (2009: 257) menyatakan psikologi adalah ilmu yang mengkaji tentang keadaan dan fenomena jiwa dari aspek imej, pemikiran, emosi dan kecenderungan.

Definisi keluarga menurut Ibn Manẓūr (1994, 1: 665) adalah seseorang yang mempunyai ikatan dekat secara nasab dan ikatan kasih sayang. al-Biqā'ī (2003, 2: 218) pula menyatakan keluarga adalah kerabat yang menyebabkan terjadinya hukum waris. Al-Qurtubī (1964, 2: 14) menjelaskan makna perkataan *al-Qurbā* dalam Surah al-Baqarah [3] ayat 83 bermaksud kerabat terdekat iaitu keluarga, yang dianjurkan supaya sering bersilaturahmi atau berbuat baik kepada mereka. Pemahaman ini, adalah kerana lafaz tersebut digandingkan dengan perintah berbuat baik kepada kedua orang tua. Pada sisi berbeza, variasi perbincangan tentang keluarga di dalam al-Quran didapati turut menggunakan lafaz yang beragam seperti lafaz *al-Qurbā*, *al-Ahl*, *al-Raḥt* dan *Ashīrah*.

Kekeluargaan pula adalah istilah yang merujuk kepada hal mengenai keluarga atau perihal berkaitan hubungan sebagai anggota di dalam sesuatu keluarga (*Kamus Dewan*: 725). Menyentuh aspek hubungan dalam struktur kekeluargaan, Dasar Keluarga Negara (2016) menyatakan keluarga adalah sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang. Puspitawati (2013) menjelaskan keluarga adalah unit sosial-ekonomi terkecil dalam masyarakat yang merupakan asas bagi kesemua institusi yang lain. Ia juga boleh difahami sebagai kelompok primer yang terdiri daripada dua atau lebih orang, mempunyai jaringan interaksi interpersonal, hubungan darah, hubungan perkahwinan dan hubungan yang terjalin melalui proses adopsi, seperti pengambilan anak angkat.

Menurut Dunst, Trivette dan Deal (1988) antara fungsi sesebuah keluarga adalah mempercayai bahawa segala masalah boleh diselesaikan melalui kerjasama anggota keluarga. Tanggungjawab penjagaan, perawatan dan pengasuhan anak merupakan kewajipan asas dalam institusi keluarga (Nock, 1992; Zubrick, et. al, 2000). Struktur kekeluargaan yang terbina dan diurus dengan baik akan menjadi sebuah unit sosial penting dalam pembangunan masyarakat sesebuah negara (Lestari, 2012). Menurut Fahrudin (2012) institusi keluarga memainkan peranan penting dalam memberikan kesejahteraan kepada anggota-anggota keluarga. Dalam lapangan sosiologi, Puspitawati (2013) menjelaskan tujuan keluarga adalah mewujudkan kesejahteraan zahir (fizikal dan ekonomi) dan batin (sosial, psikologi, spiritual dan mental).

Domain kesejahteraan keluarga umumnya adalah meliputi dimensi struktur organisasi keluarga, hubungan interpersonal, status psikologi ibu bapa dan tahap kendiri ibu bapa (Frey, Greenberg & Fewell, 1989). Menurut Families Australia (2006), kesejahteraan keluarga merangkumi empat elemen utama; pertama, keselamatan fizikal serta kesihatan fizikal dan mental; kedua, sokongan hubungan dalam kalangan ahli keluarga yang memahami kemahiran resolusi konflik yang berkesan, penerapan nilai murni, tradisi bahasa, perkongsian idea, penerimaan sokongan dan dorongan untuk pencapaian keluarga; ketiga, hubungan sosial di luar keluarga dan ke empat; jaminan ekonomi.

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (2011) menyatakan kesejahteraan keluarga adalah melibatkan pembangunan diri individu dan keluarga yang seimbang dari segi fizikal, kerohanian, ekonomi, sosial dan mental. Laporan ini juga menyatakan kesihatan merupakan domain penting dalam menentukan kesejahteraan keluarga kerana ia dianggap sebagai keperluan asas bagi kesejahteraan keluarga. Oleh itu, World Health Organization (2011) menyatakan maksud kesihatan bukan semata-mata ketiadaan penyakit, bahkan turut meliputi kesejahteraan fizikal, mental dan sosial.

Dalam konteks pengurusan psikologi kekeluargaan, Iwaniec & Sneddon (2002) menegaskan kemahiran keibubapaan adalah elemen penting dalam menjamin kesejahteraan psikologi dan keyakinan diri anggota

keluarga. Huppert, (2009) menyatakan kejayaan mencapai kesejahteraan psikologi juga amat dipengaruhi tahap kehidupan yang baik dan keupayaan mengurus emosi dengan baik. Tuntasnya, kejayaan pengurusan psikologi kekeluargaan merupakan faktor kejayaan pembangunan institusi kekeluargaan (Eddy & Chamberlain, 2000; Rapee, 2012).

Kesimpulannya, kesejahteraan psikologi anggota sesebuah keluarga amat bergantung kepada kompetensi sokongan sosial yang terbina melalui interaksi interpersonal di dalamnya (Beavers dan Hampson, 1990). Kaum lelaki dan wanita berkongsi peranan yang sama dalam mengimbangi kesejahteraan dan kestabilan psikologi sesebuah keluarga, masyarakat dan negara.

4. Keperihalan Khadijah RA dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

Sejarah tentang keperihalan *Ummu al-Mu'minīn* Khadijah binti Khuwaylid RA sebagai pengimbang kestabilan psikologi dalam struktur kekeluargaan Rasulullah SAW meliputi pelbagai dimensi berbeza. Justeru penelitian terhadap hadis-hadis tentang Khadijah RA dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* perlu dibahaskan secara komprehensif. Dalam konteks tersebut, Imam Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī RA telah meriwayatkan sejumlah 21 hadis yang menyentuh keperihalan *Ummu al-Mu'minīn* Khadijah binti Khuwaylid RA dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kompilasi hadis berkenaan dimuatkan dalam 9 *kitāb* dan 17 *bāb* berasingan seperti jadual berikut:

Jadual 1: Taburan hadis memperihalkan Khadijah RA dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

Bil	Kitāb	Bāb	No. Hadis	Skop Hadis	Jumlah Hadis
1	<i>Bad'i al-Wahyi</i>	<i>Kayfa Kāna bad'u al-Wahyi ilā Rasūlillah Ṣalla Allah 'Alayhi wa Sallam?</i>	3		
2	<i>Tafsīr al-Qurān</i>	<i>Mā wadda 'ak rabbuka wa mā qalā (al-Duhā) Qawlih: Iqra' wa Rabbuka al-Akram (al-'Alaq: 3)</i>	4953	Permulaan Turunnya Wahyu	5
3			4957		
4	<i>Al-T'abīr</i>	<i>Bāb Awwalu mā Budi'a bihī Rasūlullah SAW Wa udhkur fī al-Kitāb</i>	6982		
5	<i>Aḥādīth al-Anbiyā'</i>	<i>Mūsā innahū kāna mukhlās wa kāna. Wa idh qālat al-malā'ikah yā Maryam inna Allah iṣṭafāk</i>	3392		
6			3432	Wanita Terbaik	2
7			3815		
8	<i>Manāqib al-Anṣār</i>	<i>Tazwīj al-Nabī Ṣalla Allah 'Alayhi wa sallam Khadijah wa Faḍlihā Raḍiyallahu 'Anhā</i>	3818	Kecemburuan 'Āishah RA Terhadap Khadijah RA	2
9			3821		
10			3816		
11			3817	Kecemburuan 'Āishah RA Terhadap Khadijah RA	
12	<i>Al-Nikāḥ</i>	<i>Ghayrah al-Nisā' wa wajdihi</i>	5229		
13	<i>Al-Adab</i>	<i>Husnu al-'Ahd min al-Imān</i>	6004	Khadijah RA & dijanjikan syurga	5
14	<i>Al-Tawḥīd</i>	<i>Qawl Allah Ta'ālā: Wa lā tanf'a al-Shafā'ah 'indahū illā</i>	7484		
15	<i>Abwāb al-'Umrāh</i>	<i>Matā Yahilla al-M'utamir</i>	1792	Khadijah RA & dijanjikan syurga	2
16			3819		
17	<i>Manāqib al-Anṣār</i>	<i>Tazwīj al-Nabī Ṣalla Allah 'Alayhi wa sallam Khadijah wa Faḍlihā Raḍiyallahu 'Anhā</i>	3820	Allah SWT dan Jibrīl AS mengirim Salam kepada Khadijah RA & Khadijah RA dijanjikan syurga	2
18	<i>Al-Tawḥīd</i>	<i>Qawl Allah Ta'ālā: Yurīdūn an yubaddilū kalām</i>	7497		

19	<i>Tafsīr al-Qurān</i>	<i>Waddan wa lā suwā'an wa la yagūth wa ya 'ūq (Nūh: 23)</i>	4922	Ibnu 'Abbās RA menjelaskan makna 'Asīr [al-Muddaththir: 9] & Ayat al-Quran yang pertama diturunkan	2
20		<i>Qawlih wa rabbaka fa kabbir (al-Muddaththir: 3)</i>	4924	Ayat al-Quran yang pertama diturunkan	
21	<i>Manāqib al-Anṣār</i>	<i>Tazwīj al-Nabī Ṣalla Allah 'Alayhi wa sallam 'Āishah RA, wa Qudūmiha al-Madīnah, Wa Binā'ihī Bihā</i>	3896	Kewafatan Khadījah RA & Perkahwinan 'Āishah RA	1

Sumber: Analisis Pengkaji

4.1 Khadījah RA dalam Struktur Kekeluargaan Rasulullah SAW

Sorotan terhadap ketokohan Khadījah binti Khuwaylid RA memaparkan pelbagai kelebihan dan keistimewaan beliau sebagai individu pertama beriman kepada Rasulullah SAW (Ibn 'Asākir, 1:49). Nama lengkapnya adalah Khadījah binti Khuwaylid bin Asad bin 'Abd al-'Uzzā bin Quṣay bin Kilāb al-Qurayshiyah al-Asadiyyah. Ibunya bernama Fāṭimah binti Zā'idah bin Jundub (al-Dhahabī, 2: 109; Ibnu 'Asākir, 1: 38; al-Qārī, 9: 3990). Sebelum kedatangan Islam, Khadījah RA turut dikenali dengan gelaran *al-Ṭāhirah* yang bermaksud wanita yang suci (al-Dhahabī, 1985: 194).

Menurut al-Dhahabī (1985: 62-63 dan 109) Khadījah RA telah menjadi rakan strategik ekonomi Rasulullah SAW yang berjaya sebelum dimuliakan sebagai isteri baginda SAW. Justeru, tidak dinafikan Khadījah RA adalah insan paling istimewa di samping Rasulullah SAW. Beliau ialah seorang isteri, sahabat dan kekasih yang penyayang kepada Rasulullah SAW. Antara keramat beliau adalah tiada wanita lain dinikahi Rasulullah SAW sebelumnya dan selepas menikahinya sehingga ke akhir hayatnya (al-Kalābādhi, 1987: 836).

al-Dhahabī (1985: 194) dan al-Kalābādhi (1987, 2: 835) menjelaskan Khadījah RA telah wafat di Makkah pada tahun yang sama dengan Abū Ṭālib, iaitu tiga tahun sebelum peristiwa hijrah ke Madinah. Menurut al-Ṭabarī (1939, 1: 2) Khadījah RA wafat ketika berusia enam puluh lima tahun. Kesannya, Rasulullah SAW terlalu dirundung kesedihan berikutan kewafatan Khadījah RA dan Abī Ṭālib. Setelah kewafatannya, Rasulullah SAW tidak pernah puas memuji dan memohon keampunan ke atas Khadījah RA (Ibn 'Asākir, 1: 59).

Sumbangan dan pengorbanan Khadījah RA bersama Rasulullah SAW adalah tiada bandingan. Paling utama adalah keyakinan dan kesetiaan beliau dalam membantu, menyokong dan membenarkan seruan dakwah Rasulullah SAW sebagaimana ketika berlakunya peristiwa penurunan wahyu pertama. Justeru tidak hairanlah Rasulullah SAW sering memuji Khadījah RA selepas kewafatannya. Menurut al-Shāmī (1993, 11: 155), antara pujian terbaik Rasulullah SAW kepadanya adalah sebagaimana diriwayatkan daripada 'Āishah RA yang mencemburui betapa Rasulullah SAW memuliakan Khadījah RA:

مَا غَزَتْ عَلَى أَحَدٍ مِنْ نِسَاءِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، مَا غَزَتْ عَلَى خَدِيجَةَ، وَمَا وَلَّيْتُهَا، وَلَكِنْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكْثِرُ ذِكْرَهَا، وَرَمَّا ذَبَحَ الشَّاةَ ثُمَّ قَطَعَهَا أَغْصَاءً، ثُمَّ بَعَثَهَا فِي صَدَائِقِ خَدِيجَةَ، فَرَمَلْتُ لَهَا: كَأَنَّهُ لَمْ يَكُنْ فِي الدُّنْيَا امْرَأَةٌ إِلَّا خَدِيجَةُ، فَيَقُولُ "إِنَّمَا كَانَتْ، وَكَانَتْ، وَكَانَ لِي مِنْهَا وَلَدٌ".

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Manāqib al-Anṣār, Bāb Tazwīj al-Nabī Ṣalla Allah 'Alayhi wa sallam Khadījah wa Faḍlihā Raḍiya Allahu 'Anhā*, no. Hadis: 3818]

Terjemahan:

"Tidaklah aku cemburu terhadap isteri-isteri Nabi SAW sebagaimana kecemburuanku terhadap Khadījah RA. Padahal aku tidak pernah melihatnya. Namun disebabkan, Baginda SAW sering menyebutnya (memuji dan menyanjungnya) dan menyembelih kambing, memotong bahagian-bahagiannya, kemudian dikirimkan kepada teman-teman Khadījah RA. Suatu ketika, aku berkata kepada Rasulullah SAW: "Seolah-olah di dunia ini tiada

wanita selain Khadījah RA? Lantas Nabi SAW menjawab: “Khadījah itu begini dan begitu, dan darinyalah aku memperoleh anak”.”

Al-Qaṣṭalānī (1904, 6: 168) menyatakan ketika kewafatan *Ummu al-Mu'minīn* Khadījah RA, ‘Āishah RA hanya berusia enam tahun yang memungkinkan beliau tidak sempat mengenali Khadījah RA. al-Qārī (2002, 9: 3990) menjelaskan kelebihan Khadījah RA adalah seorang yang rajin berpuasa, berhemah, baik dan penyayang. Beliau juga merupakan seorang yang bijaksana (al-Anṣārī. 2005, 7:120). al-‘Aynī (t.th., 16: 280) dan menjelaskan kehebatan kebaikan, kerajinan dan ketaatan Khadījah RA merupakan faktor yang menyebabkan Rasulullah SAW sering memuji beliau. Bahkan, kesemua anak Rasulullah SAW diperolehi melalui Khadījah RA kecuali Ibrāhīm yang merupakan anak kepada *Ummu al-Mu'minīn* Māriyah al-Qibṭiyyah (al-Dhahabī, 1985: 63).

Pengiktirafan Khadījah RA sebagai wanita terbaik dalam lembaran sejarah telah tercatat dalam hadis sebagaimana diriwayatkan daripada ‘Alī RA:

يَقُولُ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: خَيْرُ نِسَائِهِمَا مَرْيَمُ ابْنَةُ عِمْرَانَ، وَخَيْرُ نِسَائِهَا خَدِيجَةُ

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā'*, Bāb Qawl Allah Ta ‘ālā Wadhkur Fī al-Kitāb Maryam Idh Intabadhat Min Ahlihā Makāna Sharqīyyā, no. Hadis: 3432 & 3815]

Terjemahan:

“...Berkata ‘Alī RA: Beliau telah mendengar Nabi SAW bersabda: “Sebaik-baik wanita adalah Maryam binti ‘Imrān (ketika zamannya), dan sebaik-baik wanita adalah Khadījah (ketika zamannya)”.”

Al-Qaṣṭalānī (1905, 5: 407) menjelaskan hadis ini adalah keterangan bagi surah (Ālī-‘Imrān, 3: 42-43), di mana Maryam RA telah dipilih untuk menerima keramat mengandung Nabi ‘Īsā AS tanpa bapa. Menurut al-Nawawī (1972, 5: 407) hadis ini memaparkan pengiktirafan Rasulullah SAW terhadap Maryam RA dan Khadījah RA sebagai sebaik-baik wanita di dunia ini pada zaman kedua-duanya. al-‘Aynī (t.th., 16: 24) menjelaskan maksud hadis tersebut adalah Maryam RA merupakan sebaik-baik wanita bani Israel, manakala Khadījah RA adalah sebaik-baik wanita Arab. Namun, Ibn ‘Asākir (1985, 1: 52) menyatakan sebaik-baik wanita yang dimaksudkan hadis adalah meliputi keseluruhan wanita di alam ini. Shāhīn (2002, 9: 374) pula menyatakan tahap kemuliaan Maryam RA dan Khadījah RA adalah setaraf, bahkan kemuliaan tersebut meliputi keseluruhan sifat mereka.

Secara keseluruhannya, kesejahteraan rumah tangga Rasulullah SAW dan Khadījah RA boleh dianggap sebagai model paling ideal (Norhidayati Rahmah, 2015). Kehebatan struktur kekeluargaan ini terbukti dengan peranan yang dimainkan Khadījah RA di samping Rasulullah SAW sejak baginda SAW memulakan karier sebagai pedagang, agamawan atau pendakwah sehinggalah baginda SAW menjadi negarawan terulung di dunia ini.

5. Hasil Kajian dan Perbincangan

Kepentingan dan kedudukan wanita dalam struktur kekeluargaan adalah sangat penting dalam syariat Islam. Allah SWT memuliakan wanita setaraf kaum lelaki dalam konteks ibadat dan ketaatan. Justeru, wanita turut dikurniakan rahmat serta pengampunan sepertimana yang dikurniakan kepada kaum lelaki. Hal ini dinyatakan secara jelas dalam surah al-Aḥzāb, [33] ayat 35. Menurut al-Baghawī (2000, 3: 639) dan al-Ṭabarī (2000, 20: 269) ayat ini diturunkan bagi menghilangkan kebimbangan *Ummahāt al-Mu'minīn* terhadap tahap penerimaan Allah SWT bagi amal ketaatan yang dilakukan kaum wanita. Menurut al-Sa‘dī (2000, 25: 168), (al-Aḥzāb, 33: 35) bermaksud perintah dan larangan Allah SWT adalah selari di antara kaum lelaki dan wanita. al-Zuhaylī (1998, 22: 15) menyatakan persamaan taraf di antara lelaki dan wanita turut meliputi keseluruhan aspek yang berkait dengan ganjaran akhirat.

Pada sudut lain, Islam telah memuliakan wanita lebih tinggi berbanding lelaki berdasarkan tahap pengorbanannya yang tinggi dalam struktur kekeluargaan. Abū Hurayrah RA telah meriwayatkan daripada Rasulullah SAW tentang kemuliaan seorang ibu sebagaimana hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: رَسُولُ اللَّهِ، مَنْ أَحَقُّ النَّاسِ بِحُسْنِ صَحَابَتِي؟ قَالَ: أَتُكِّمُ قَالَ: تُمْ مَنْ؟ قَالَ: تُمْ أَتُكِّمُ قَالَ: تُمْ مَنْ؟ قَالَ: تُمْ أَتُكِّمُ قَالَ: تُمْ مَنْ؟ قَالَ: تُمْ أَتُكِّمُ.

[Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Adab, Bāb Man Aḥaqqu al-Nās bi Ḥusni al-Ṣuḥbah, no. Hadis: 5971]

Terjemahan:

Daripada Abū Hurairah RA berkata, “Seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW “Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling patut saya perlakukan dengan baik?” Baginda menjawab, “Ibumu”. Kemudian dia bertanya “Siapa lagi?” Jawab Rasulullah SAW “Ibumu,”. Dia bertanya lagi “Kemudian siapa?” Jawab baginda “Ibumu,”. Dia bertanya lagi “kemudian siapa?” baginda menjawab, “Kemudian ayahmu”.

Hadis di atas menggambarkan nilai kemuliaan dan kepentingan kaum ibu dalam struktur kekeluargaan di sisi Allah SWT. Menurut Ibn Baṭṭāl (2003, 9: 189) Allah SWT memuliakan kaum ibu tiga kali lebih tinggi berbanding bapa kerana tiga kesusahan yang hanya dilalui oleh para ibu. Hanya para ibu melalui saat kesusahan mengandung, melahirkan anak dan penyusuan. Dalam aspek ini, al-Shaybānī (1997, 6: 449) menjelaskan wanita diciptakan mempunyai nilai kekuatan psikologi yang tidak dimiliki kaum lelaki, dalam membentuk dan mencorak suasana kehidupan sesebuah keluarga. Justeru, al-Nawawī (1972, 16: 102) menukilkan pandangan al-Muḥāsibī yang menyatakan para ulama sepakat mengatakan seorang anak lebih utama berbuat kebajikan kepada ibunya berbanding bapanya.

Dalam membicarakan persoalan keupayaan psikologi yang dimiliki wanita, McGoldrick, Anderson dan Walsh (1991) mendapati fitrah kejadian wanita mampu berfungsi sebagai suatu bentuk terapi dalam sesebuah keluarga. Dengan itu, kedudukan wanita dalam struktur kekeluargaan terbukti amat mempengaruhi kestabilannya (Curimbaba: 2002). Sebagai contoh, kajian O'Brien (1996) membuktikan bimbingan kaum ibu berupaya meningkatkan potensi dan menstabilkan psikologi anak di samping keseluruhan struktur kekeluargaan.

Merujuk laporan (LPPKN, 2011) dan Dasar Wanita Negara (1989), pemerkasaan wanita dalam aspek kesihatan dan pemberdayaan wanita dalam pengurusan kekeluargaan merupakan sebahagian matlamat yang menjadi keutamaan negara. Justeru kajian apresiasi terhadap ketokohan *Ummu al-Mu'minīn* Khadijah RA yang dikemukakan kajian ini merupakan sebahagian usaha ke arah meningkatkan kefahaman umat Islam dan memperkasakan kemahiran pengurusan psikologi kekeluargaan menurut perspektif Islam.

5.1 Teladan Khadijah RA dalam Mengurus Psikologi Kekeluargaan

Pada asasnya, ketaqwaan, keimanan dan kepada Allah SWT diyakini akan membawa rahmat dan kebaikan. Hal ini sebagaimana Firman Allah SWT dalam (al-Talāq, 65: 2-3; al-An'ām, 6: 82 dan al-Ankabūt, 29: 69). Ayat-ayat ini memberikan motivasi kepada setiap insan supaya memelihara keimanan sedaya upaya (Ibn Kathīr, 8: 146-147; al-Qurṭubī, 13: 364 & al-Shawkānī, 2: 154). Jaminan petunjuk dan bimbingan Allah SWT akan diberikan kepada setiap individu yang sentiasa berusaha memperbaiki keadaan diri mereka (al-Qurṭubī, 13: 364).

Teladan dan dokongan moral Khadijah RA pada saat awal kerasulan didapati berjaya mengimbangi kesan cabaran dakwah yang dihadapi baginda SAW. Berdasarkan keseluruhan perbincangan keperihalan Khadijah RA, disenaraikan taburan hadis-hadis dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang memperihalkan usaha Khadijah RA mengurus dan mengimbangi kesejahteraan psikologi kekeluargaan Rasulullah SAW sebagaimana jadual dua.

Jadual 2: Taburan hadis keperihalan peranan khadijah ra mengurus psikologi dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

Bil	Keperihalan Peranan Khadijah Mengurus Psikologi	No. Hadis	Jumlah Hadis
1	Kegigihan menenangkan suami		
2	Memotivasi Suami	3, 4953, 4957, 6982,	7
3	Merujuk pakar dalam menyelesaikan masalah	3392, 4922, 4924	
4	Taat dan tidak meragui suami		
5	Penyayang terhadap suami		
6	Tidak meninggalkan suara kepada suami	3820, 7497, 3816, 3817,	10
7	Tidak berselisih faham dengan suami	3818, 3819, 3820, 5229,	
8	Tidak menimbulkan kemarahan suami	6004, 7484	
9	Berhemah		

10	Rajin mengurus keluarga	3432, 3815, 3816, 3817,	
11	Tekun beribadah	3818, 3819, 3820, 3821,	14
12	Berkeperibadian mulia	3624, 3729, 3522, 3714,	
13	Sabar mendidik dan membesarkan anak	5229, 6004, 7484	

Sumber: Analisis Pengkaji

Penelitian terhadap hadis-hadis *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang memperihalkan peranan *Ummu al-Mu'minīn* Khadijah RA mengurus psikologi dan mengimbangi kesejahteraan keluarga menunjukkan 13 teladan beliau dinyatakan dalam 23 riwayat al-Bukhārī. Sebanyak 7 daripada keseluruhan 23 hadis telah disenaraikan secara berulang kerana turut menyentuh teladan berbeza. Dalam konteks periwayatan, Imam al-Bukhārī telah meriwayatkan sebanyak 13 riwayat daripada 'Āishah RA, 2 riwayat daripada Jābir bin 'Abdillāh RA dan 2 riwayat daripada Abū Hurayrah RA. Manakala masing-masing 1 riwayat daripada Abū Mūsā al-'Ash'arī RA, 'Āli RA, 'Abdillāh bin Abī Awfā RA dan Abū Hishām RA. Dalam jadual dua juga, kajian ini memuatkan 2 riwayat al-Bukhārī tentang ketokohan Fāṭimah RA daripada 'Āishah RA dan al-Miswar bin Makhramah RA.

Berdasarkan jadual di atas, Khadijah RA didapati telah melengkapkan domain utama keluarga sejahtera dan bahagia bermula dari memenuhi kewajipan asas keluarga sehinggalah menyediakan sokongan fizikal dan mental kepada mereka. Secara praktikalnya, kefahaman tersebut boleh difahami melalui tiga kategori utama; Psikologi Kendiri Khadijah RA, Psikologi Khadijah RA Bersama Suami dan Psikologi Khadijah RA Bersama Anak.

5.2 Psikologi Kendiri Khadijah RA

Berdasarkan Jadual 2, Khadijah RA merupakan seorang wanita berkeperibadian mulia, berhemah dan tekun beribadah seperti yang dinyatakan dalam hadis bernombor 3815, 3816, 3817, 3818 dan lain-lain. Sebagai contoh utama, hadis yang diriwayatkan daripada 'Āishah RA, katanya:

مَا غَرَّتْ عَلَى أَحَدٍ مِنْ نِسَاءِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، مَا غَرَّتْ عَلَى خَدِيجَةَ، وَمَا وَلَّيْتُهَا، وَلَكِنْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكْثِرُ ذِكْرَهَا، وَرُبَّمَا ذَبَحَ الشَّاةَ ثُمَّ يَفْطَعُهَا أَغْضَاءً، ثُمَّ يَبْعُهَا فِي صَدَائِقِ خَدِيجَةَ، فَمَرَّمْتُ لَهَا: كَأَنَّهُ لَمْ يَكُنْ فِي الدُّنْيَا امْرَأَةٌ إِلَّا خَدِيجَةُ، فَيَقُولُ: إِنَّمَا كَانَتْ، وَكَانَتْ، وَكَانَ لِي مِنْهَا وَلَدٌ.

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb Manāqib al-Anṣār*, *Bāb Tazwīj al-Nabī Ṣalla Allāh 'Alayhi wa sallam Khadijah*, no. Hadis: 3818]

Terjemahan:

Tidaklah aku cemburu terhadap isteri-isteri Nabi SAW sebagaimana kecemburuanku terhadap Khadijah RA. Padahal aku tidak pernah melihatnya. Namun disebabkan, Baginda SAW sering menyebutnya (memuji dan menyanjungnya) dan menyembelih kambing, memotong bahagian-bahagiannya, kemudian dikirimkan kepada teman-teman Khadijah RA. Suatu ketika, aku berkata kepada Rasulullah SAW: “Seolah-olah di dunia ini tiada wanita selain Khadijah RA? Lantas Nabi SAW menjawab: “Khadijah itu begini dan begitu, dan darinyalah aku memperoleh anak”.”

Menurut al-Anṣārī (2005, 7: 120) maksud “begini dan begitu” di dalam hadis adalah merujuk kepada sifat Khadijah RA sebagai seorang yang mulia, bijaksana dan bertakwa. al-'Aynī (t.th., 16: 280) pula menyatakan mafhum kalimah tersebut merujuk kepada sifat kerajinan dan ketakwaan Khadijah RA. Secara keseluruhannya, al-Kūrānī (2008, 7: 32) menyatakan lafaz tersebut merupakan kiasan terhadap kepelbagaian sifat terpuji yang dimiliki Khadijah RA. Justeru, adalah tidak menghairankan 'Āishah RA amat mencemburui keperibadian Khadijah RA.

Secara keseluruhannya, personaliti Khadijah RA yang memungkinkan beliau mengurus dan menjamin kesejahteraan keluarga dicapai melalui hubungan kukuh dengan Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis di atas dan seumpamanya.

5.3 Psikologi Khadījah RA Bersama Suami

Berdasarkan Jadual 2, Khadījah RA terbukti mampu berperanan memenuhi keperluan keluarga dengan memastikan segala masalah boleh diselesaikan melalui kerjasama anggota keluarga. Hal ini boleh dilihat melalui hadis-hadis di bilangan 1 dan 2 (kegigihan menenangkan dan memotivasi suami). Selain itu, rahsia utama kerukunan rumah tangga Rasulullah SAW juga adalah menerusi sikap Khadījah RA yang taat, sayang dan prihatin kepada suaminya seperti yang boleh dilihat pada hadis-hadis di bilangan 4, 5, 6, 7 dan 8. Atas asas sayang dan prihatin ini jugalah maka Khadījah RA sedaya upaya membantu menyelesaikan masalah suami beliau seperti yang boleh dilihat di hadis bilangan 3 (merujuk pakar dalam menyelesaikan masalah).

Sebagai contoh utama, sumbangan dan pengorbanan Khadījah RA dalam membantu, menyokong dan membenarkan seruan dakwah Rasulullah SAW sebagaimana ketika berlakunya peristiwa penurunan wahyu pertama. Pada ketika itu, keyakinan dan kesetiaan beliau terhadap Rasulullah SAW terbukti tiada tandingan. Diriwayatkan daripada ‘Āishah RA, katanya:

...فَرَجَعَ يَلْتَرَحُفُ بَوَادِرُهُ، حَتَّى دَخَلَ عَلَى خَدِيجَةَ مَقْعَالٍ: «رَمَلُونِي رَمَلُونِي» فَرَمَلُوهُ حَتَّى ذَهَبَ عَنْهُ الرَّوْعُ مَقْعَالٍ: «خَدِيجَةُ، مَا لِي» وَأَخْبَرَهَا الْخَبَرَ، وَقَالَ: «قَدْ خَشِيتُ عَلَى نَفْسِي» فَقَالَتْ لَهُ: كَلَّا، أَتَيْسِرُ مَقْعَالٍ لَا يُخْزِيكَ اللهُ أَبَدًا، إِنَّكَ لَتَصِلُ الرَّحِمَ، وَتَصْدُقُ الْحَدِيثَ، وَتَحْمِلُ الْكَلَّ، وَتَقْرِي الضَّيْفَ، وَتُعِينُ عَلَى نَوَائِبِ الْحَقِّ، ثُمَّ انْطَلَقَتْ بِهِ خَدِيجَةُ حَتَّى أَتَتْ بِهِ وَرَقَةَ بْنَ نَوْفَلٍ بْنِ أَسَدِ بْنِ عَبْدِ الْعُزَّى بْنِ قُصَيٍّ وَهُوَ ابْنُ عَمِّ خَدِيجَةَ أَخُو أَبِيهَا، وَكَانَ امْرَأَتُنْصَرَّ فِي الْجَاهِلِيَّةِ، وَكَانَ يَكْتُبُ الْكِتَابَ الْعَرَبِيَّ مَفِيكْتُبَ الْعَرَبِيَّةِ مِنَ الْإِنْجِيلِ مَا شَاءَ اللهُ أَنْ يَكْتُبَ، وَكَانَ شَيْخًا كَبِيرًا قَدْ عَمِيَ مَقْعَالٍ لَهُ خَدِيجَةُ: أَيُّ ابْنِ عَمٍّ، اسْمُ مَنْ ابْنِ أَخِيكَ مَقْعَالٍ وَرَقَةُ: ابْنُ أَحْيَى مَا ذَلَّتْ رَأْيَ؟ فَأَخْبَرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا رَأَى مَقْعَالٍ وَرَقَةُ: هَذَا النَّامُوسُ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى مُوسَى، لَيْتَنِي فِيهَا جَذَعًا، أَكُونُ حَيًّا حِينَ يُخْرِجُكَ قَوْمُكَ فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَوْخَرَجِي هُمْ» فَقَالَ وَرَقَةُ: نَنَعَمْ، لَمْ تَرَ رَجُلًا قَطُّ يَمِثِلُ مَا جِئْتَ بِهِ إِلَّا عُودِي، وَإِنْ يُدْرِكُنِي يَوْمُكَ أَنْصُرَكَ نَصْرًا مُؤَزَّرًا، ثُمَّ لَمَسَتْ وَرَقَةُ أَنْتُوبِي...

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Ta'bīr, Bāb Awwalu mā budi'a bihī Rasūlullah SAW*, no. Hadis: 6982]

Terjemahan:

“...Maka baginda SAW pulang dalam keadaan gementar dan bergegas hingga masuk ke rumah Khadījah RA. Kemudian Nabi SAW. berkata kepadanya: Selimutilah aku, selimutilah aku. Maka Khadījah RA pun menyelimutinya hingga hilang rasa takutnya. Kemudian Nabi SAW bertanya: ‘wahai Khadījah RA, apa yang terjadi kepadaku ini?’. Lalu Nabi SAW menceritakan kejadian yang beliau alami kemudian mengatakan, ‘aku amat khuatir terhadap diriku’. Maka Khadījah RA mengatakan, ‘janganlah takut sama sekali! Demi Allah SWT, Dia tidak akan menghinakanmu selama-lamanya. Sesungguhnya engkau adalah orang yang menyambung tali silaturahmi, pemikul beban orang lain yang susah, penolong orang yang miskin, penjamu tetamu serta penolong orang yang menegakkan kebenaran. Setelah itu Khadījah RA pergi bersama Nabi SAW menemui Waraqah bin Naufal, beliau adalah bapa saudara Khadījah RA. Waraqah telah memeluk agama Nasrani sejak zaman jahiliyah. Ia pandai menulis al-Kitab dalam bahasa Arab. Maka disalinnya Kitab Injil dalam bahasa Arab sebagaimana yang dikehendaki Allah SWT dapat ditulisnya. Namun usianya ketika itu telah lanjut dan matanya telah buta. Khadījah RA berkata kepada Waraqah, “wahai bapa saudaraku. Dengarkan khabar dari anak saudaramu ini”. Waraqah berkata, “Wahai anak saudaraku. Apa yang terjadi ke atas dirimu?”. Rasulullah SAW. menceritakan kepadanya semua peristiwa yang telah dialaminya. Waraqah berkata, “(Jibril) Ini adalah Nāmūs yang pernah diutus Allah SWT kepada Nabi Musa AS, semoga saya masih hidup ketika kamu diusir oleh kaummu”. Nabi SAW. bertanya, “Apakah mereka akan mengusirku?” Waraqah menjawab, “Ya, benar. Tidak ada seorang pun yang diberi wahyu seperti engkau kecuali pasti dimusuh. Jika aku masih hidup pada hari tersebut, nescaya aku akan menolongmu sedaya upaya”. Tidak berapa lama kemudian Waraqah meninggal dunia...”

Pada amnya, hadis yang memperihalkan tentang penurunan wahyu yang pertama memaparkan pengetahuan tentang konsep keimanan dan pembentukan kelakuan (al-Amīn 2019, 83). Dalam konteks kajian ini, peristiwa yang terkandung dalam hadis di atas menggambarkan kehebatan Khadījah RA berperanan sebagai

pengimbang kepada kestabilan emosi dan psikologi Rasulullah SAW. Antara yang utama, al-Qaṣṭalānī (1904, 10: 119) dan al-‘Aynī (t.th., 24:129) menjelaskan Khadījah RA telah berjaya menenangkan dan mengembirakan Rasulullah SAW dengan menyangkal kebimbangan baginda SAW sesudah penurunan wahyu pertama tanpa memperlihatkan sebarang keraguan. Sejurus kejadian, Khadījah RA menemani baginda SAW menemui bapa saudaranya Waraqah bin Nawfal. Menurut al-Dhahabī (1985, 2: 109) tindakan tersebut membuktikan beliau telah membenarkan seruan Rasulullah SAW sebelum berimannya individu yang lain.

Dalam pada itu, selain Rasulullah SAW, tiada manusia lain pernah menerima salam penghormatan daripada Allah SWT kecuali Khadījah RA. Penghormatan tersebut disampaikan melalui Jibrīl AS yang turun kepada baginda SAW (al-Shanqīṭī, 1995, 14: 38-39). Peristiwa ini adalah sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abū Hurayrah RA:

أَتَى جِبْرِيلُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: - رَسُولُ اللهِ -، هَذِهِ خَدِيجَةُ قَدْ أَتَتْ مَعَهَا إِيمَانٌ فِيهِ إِدَامٌ أَوْ طَعَامٌ أَوْ شَرَابٌ، فَإِذَا هِيَ أَتَتْكَ فَأَقْرَأْ عَلَيْهَا السَّلَامَ مِنْ رَبِّهَا وَمِنِّي وَبَشِّرْهَا بِبَيْتٍ فِي الْجَنَّةِ مِنْ قَصَبٍ لَا صَخَبَ فِيهِ، وَلَا نَصَبَ

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Manāqib al-Anṣār, Bāb Tazwīj al-Nabī Ṣalla Allah ‘Alayhi wa sallam Khadījah wa Faḍlihā Raḍiya Allahu ‘Anhā*, no. Hadis: 3820]

Terjemahan:

“Pada suatu ketika, Jibrīl AS pernah datang kepada Rasulullah SAW sambil berkata “Wahai Rasulullah SAW, ini Khadījah. Ia datang kepada engkau dengan membawa bekas berisi lauk pauk, atau makanan atau minuman. Apabila ia datang kepada engkau, maka sampaikanlah salam dari Allah SWT dan dariku kepadanya. Selain itu, beritahu kepadanya, bahawa rumahnya di syurga terbuat daripada emas dan perak, yang tiada kebisingan dan kesusahan di dalamnya.”

Menurut al-Qaṣṭalānī (1904, 6: 169) penghormatan tersebut berikutan Khadījah RA menyahut seruan keimanan tanpa sebarang keraguan, tidak pernah meninggikan suara terhadap Rasulullah SAW, tidak pernah mengadu kepenatan. Selain itu antara keistimewaan beliau adalah tidak pernah berselisih faham dan menimbulkan kemarahan Rasulullah SAW. Oleh itu, al-‘Asqalānī (1959, 7: 139 dan al-Shanqīṭī (1995, 14: 39) menukikan pandangan al-Suhaylī yang menyatakan hadis ini membuktikan Khadījah RA lebih dimuliakan Allah SWT berbanding ‘Āishah RA kerana menerima salam dari Allah SWT, sedangkan ‘Āishah hanya menerima salam daripada Jibrīl AS. Namun begitu, setiap wanita dalam struktur kekeluargaan Rasulullah SAW tetap mempunyai kelebihan tersendiri.

Justeru, sebagai rumusannya, Khadījah RA berjaya mengurus rumah tangga dan keluarga bersama Rasulullah SAW walau di kala genting iaitu bermula ketika baginda dilantik sebagai Rasul sehinggalah di era tekanan dan penindasan yang dilakukan oleh Musyrikin Mekah. Kejayaan ini berpaksikan pertamanya, hubungan kukuh beliau dengan Allah SWT sehingga melahirkan sikap sabar dan hemah serta jalinan hubungan cinta terhadap suami yang juga Rasul sehingga melahirkan sikap taat dan prihatin. Hasilnya tujuan mewujudkan kesejahteraan zahir dan batin mampu direalisasikan di rumah Baginda SAW.

5.4 Psikologi Khadījah RA bersama Anak

Dalam aspek kewajipan asas seperti tanggungjawab penjagaan dan pengasuhan anak, ia boleh ditelusuri menerusi hadis-hadis di bilangan 10 (rajin mengurus keluarga) dan 13 (sabar mendidik dan membesarkan anak). Walaubagaimanapun kewajipan asas ini hanya dapat direalisasikan seoptimum mungkin hanya apabila peribadi si ibu itu sendiri dalam keadaan baik. Berdasarkan kompilasi hadis yang telah disenaraikan, Khadījah RA terbukti memiliki keperibadian dan ketokohan sebagai ibu misali.

Sebagai contoh utama, ketokohan Fāṭimah RA merupakan di antara bukti kejayaan terbesar Khadījah RA dalam mendidik anak-anak Rasulullah SAW. Kehebatan pengorbanan Fāṭimah RA dalam perjuangan dakwah Rasulullah SAW adalah tidak ternilai, sehingga dimuliakan sebagai penghulu para wanita ahli syurga. Diriwayatkan daripada ‘Āishah RA bahawa Fāṭimah RA. telah memberitahunya apa yang telah dibisikkan Rasulullah SAW kepadanya;

سَقَالَ: أَمَلْتُ رَضِيْنَ أَنْ تَكُوْنِي سَيِّدَةَ نِسَاءِ أَهْلِ الْجَنَّةِ، أَوْ نِسَاءِ الْمُؤْمِنِيْنَ .

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Manāqib, Bāb ‘Alāmāt al-Nubuwwah Fī al-Islām*, no. Hadis: 3624]

Terjemahan:

“Tidakkah engkau rela menjadi pemimpin para wanita ahli syurga atau para wanita mukminin.”

Diriwayatkan daripada al-Miswar bin Makhramah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: فَاطِمَةُ بَضْعَةٌ مِنِّي، فَمَنْ أَغْضَبَهَا أَغْضَبَنِي

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Aṣḥāb al-Nabī Ṣalla Allāh ‘Alayhi wa Sallam, Bāb Manāqib Fāṭimah ‘Alayha al-Salām*, no. Hadis: 3767]

Terjemahan:

“Sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: Fāṭimah adalah sebahagian dariku, maka sesiapa yang menimbulkan kemarahannya juga menimbulkan kemarahanku.”

Demikianlah sebahagian daripada teladan *Ummu al-Mu‘minin* Khadījah RA yang boleh diaplikasi bahkan diyakini mampu menyumbang kepada kestabilan dan kesejahteraan psikologi sesebuah keluarga. Menurut Ariffin, Ruziati (2018: 13) Kestabilan dan kesejahteraan psikologi merupakan suatu elemen yang wajar dipandang serius oleh semua pihak bagi membangunkan modal insan dan rakyat ke arah yang lebih baik.

6. Kesimpulan

Kajian ini menumpukan penelitian terhadap riwayat-riwayat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang memperihalkan teladan Khadījah RA dalam konteks pengurusan psikologi kekeluargaan. *Ummu al-Mu‘minin* Khadījah RA merupakan model wanita terbaik dalam pelbagai dimensi pengurusan kekeluargaan. Ketokohan beliau ternyata berjaya memelihara kestabilan dan kesejahteraan psikologi kekeluargaan Rasulullah SAW. Lebih utama, peranan beliau ternyata menjadi teras kejayaan dakwah Islam pada awal zaman kenabian. Hasil kajian ini mendapati keperihalan Khadījah RA adalah sarat dengan variasi metode pengurusan psikologi kekeluargaan yang sesuai diaplikasi oleh kaum wanita. Kualiti keperihalan Khadījah RA layak dijadikan model terbaik pengurusan psikologi kekeluargaan secara Islam. Justeru itu, kajian ini merupakan suatu sumbangan dalam perbincangan *fiqh al-Aḥādīth*. Akhirnya, dicadangkan agar wacana berbentuk apresiasi terhadap ketokohan *Ummahāt al-Mu‘minin* diperluaskan dalam usaha memperkasakan struktur kekeluargaan. Selain itu, suatu indeks kesejahteraan keluarga berdasarkan amalan dalam struktur kekeluargaan Rasulullah SAW juga wajar dibangunkan.

Rujukan

- al-‘Asqalānī, I. H. (1959). *Fath Al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. ed. Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī. Beirut: Dār al-Ma‘arif.
- al-‘Aynī, B. D. (t.th.). *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-‘Uṭaybī, S. (2009). *al-Ru‘ā ‘inda Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah wa al-Mukhālifīn*. Riyadh: Dār Kunūz al-Ishbīliyyā.
- al-Amīn, M. M. (2019). دراسة تحليلية "بدء الوحي" شرح الإمام ابن أبي جَمْرَةَ لحدِيث "بدء الوحي". *HADIS*, 9(17), 79-95. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/59>.
- Ariffin. R.M.A. (2018) Keperluan indeks kesejahteraan psikologi dalam perkhidmatan awam: Satu tinjauan umum. *Jurnal Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia*, (13), 2229-810X.
- al-Baghawī. (2000). *Ma‘ālim al-Tanzīl fī Tafsīr al-Qurān*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Beavers, W. R., & Hampson, R. B. (1990). *Successful families: Assessment and intervention*. New York: WW Norton & Co.
- al-Biqā‘ī, B. D. (2003). *Naẓm al-Durar fī Tanāsib al-Āyāt wa al-Suwar*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Bukhārī, M. I. (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. ed. Muḥammad Zahīr Nāṣir. t.tp.: Dār Tawq al-Najāh.

- Curimbaba, F. (2002). The dynamics of women's roles as family business managers. *Family Business Review*, 15(3), 239-252.
- al-Dhahabī, S. A. (1985). *Siyar 'Alām al-Nubalā'*. ed. Shu'ayb al-Arnāwūt. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Dunst, C. J., Trivette, C. M. , & Deal, A.G. (1988). *Supporting and strengthening families: Methods, strategies and practice*. Cambridge, MA: Brookline Books.
- Eddy, J. M., & Chamberlain, P. (2000). Family management and deviant peer association as mediators of the impact of treatment condition on youth antisocial behavior. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 68(5), 857.
- Fahrudin, A. (2012). Keberfungsian keluarga: Konsep dan indikator pengukuran dalam penelitian. *Sosio Informa*, 17 (2).
- Families Australia. (2006). *Family wellbeing in Australia: A Families Australia vision*. Retrieved May 10, 2010 from <http://www.familiesaustralia.org.au/publications/pubs/policy-familywellbeing.pdf>.
- Frey, K, Greenberg, M. & Fewell, R R. (1989). Stress and coping among parents of handicapped children: A multidimensional approach. *American Journal on Mental Retardation*, 94, 240-249.
- Hamzah M. Q. (1990). *Manār al-Qārī Sharḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. ed. 'Abd al-Qadīr al-Arnāwūt. Damsyik: Maktabah Dār al-Bayān.
- Huppert, F. A. (2009). Psychological well-being: Evidence regarding its causes and consequences. *Applied Psychology: Health and Well-Being*, 1(2), 137-164. DOI: <https://doi.org/10.1111/j.1758-0854.2009.01008.x>.
- Ibn 'Asākir, A. R. M. (1985). *Kitāb al-Arba'īn fī Manāqib Ummahāt al-Mu'minīn Raḥmah Allah 'Alayhim Ajma'īn*. ed. Muḥammad Muṭ'ī al-Ḥāfiẓ. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Ibn Baṭṭāl, 'A. K. (2003) *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*. ed. Yāsir bin Ibrāhīm. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Hubayrah, Y. M. (1997). *al-Ifṣāḥ 'an Ma'ānī al-Ṣiḥḥah*. ed. Fu'ad 'Abd al-Mun'im. t.tp.: Dār al-Waṭan.
- Ibn Kathīr. A. F. I. (1994). *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīm*. Riyadh: Maktabah Dār al-Salām.
- Ibn Manzūr, M. M. A. (1414H). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Sādir.
- Iwaniec, D., & Sneddon, H. (2002). The quality of parenting of individuals who had failed to thrive as children. *British Journal of Social Work*, 32(3), 283-298. DOI: <https://doi.org/10.1093/bjsw/32.3.283>.
- al-Kalābādhī, A. N. (1987) *al-Hidāyah wa al-Irshād fī Ma'rifah Ahl al-Thiqqah wa al-Sadād*. ed. 'Abdullah al-Laythī. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2014). *Pelan Strategik KPWK 2013-2017*.
- al-Kūrānī, A. I. (2008). *al-Kawthar al-Jārī ilā Riyāḍ Aḥādīth al-Bukhārī*. ed. Aḥmad 'Izz 'Ināyah. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara. (2011). *Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.
- Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara. (2016). *Dasar Keluarga Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.
- Lestari, S. (2012). *Psikologi keluarga: Penanaman nilai dan penanganan konflik dalam keluarga*. Jakarta: Kencana.
- McGoldrick, M., Anderson, C. M., & Walsh, F. (eds.). (1991). *Women in families: A framework for family therapy*. New York, NY: WW Norton & Company.
- Mūsā Shahīn. (2002). *Faṭḥ al-Mun'im Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. t.tp.: Dār al-Shurūq.
- al-Nawawī, M. Y. S. (1972) *Sharḥ al-Nawawī 'alā Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Nikmah, A. (2018). Peningkatan pembelajaran Rasul Ulul Azmi dengan menggunakan teknik *jigsaw* dan media gambar ilustrasi pada siswa kelas v SDN Tegalombo 04 Pati. *Elementary: Islamic Teacher Journal*, 6 (1), 22-42.
- Nock, S. L. (1992). *Sociology of the family (2nd Edition)*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- O'Brien, K. M. (1996). The influence of psychological separation and parental attachment on the career development of adolescent women. *Journal of Vocational Behavior*, 48(3), 257-274. DOI: <https://doi.org/10.1006/jvbe.1996.0024>.
- Puspitawati, H. (2013). Konsep dan teori keluarga. *Departemen ilmu keluarga dan konsumen Fakultas Ekologi Manusia-Institut Pertanian Bogor*. Diakses di: <http://ikk.fema.ipb.ac.id/v2/imag/es/karyailmiah/teori.Pdf>.
- al-Qārī, M. A. M. (2002). *Mirqāt al-Mafātīḥ sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Qaṣṭalānī, S. D. (1904). *Irshād al-Sārī li sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: al-Maṭba'ah al-Kubrā al-Amīriyyah.
- al-Qurṭubī, S. D. (1964). *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*. ed. Aḥmad al-Bardūnī dan Ibrāhīm aṭfish. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnalhadis@kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 10, No. 19 (June 2020)

- Rahmah, M. N. (2015). Romantika rumah tangga Rasulullah SAW. *Al-Hiwar: Jurnal Ilmu dan Teknik Dakwah*, 3(5).
- Rapee, R. M. (2012). Family factors in the development and management of anxiety disorders. *Clinical child and family psychology review*, 15(1), 69-80. DOI: 10.1007/s10567-011-0106-3.
- al-Sā'ati, 'A. R. M. (t.th). *al-Fatḥu al-Rabbānī li Tartīb Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal al-Shaybānī*. Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī.
- al-Sa'dī, 'A. R. (2000). *Taysīr al-Karīm al-Raḥmān fi Tafsīr Kalām al-Mannān*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Sham, F. M. (2016). Elemen psikologi islam dalam silibus psikologi moden: Satu alternatif. *Global Journal Al Thaqaifah*, 6(1), 75-86. DOI: 10.7187/GJAT10520160601.
- al-Shāmī, M. Y. (1993). *Subul al-Hudā wa al-Rashād fi Sīrah Khayr al-'Ibād*. ed. 'Ādil 'Abd al-Mawjūd. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shanqīṭī, M. K. (1995). *Kawthar al-Ma'ānī al-Darārī fi Kashfī Khabāyā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Shawkānī, M. A. (1994). *Faṭḥ al-Qadīr*. Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- al-Ṭabarī, M. J. (1939). *al-Muntakhab min Dhayl al-Madhīl min Tārīkh al-Ṣaḥābah wa al-Tābi'īn*. Beirut: Mu'assasah al-'Alāmī Li al-Maṭbū'āt.
- al-Ṭabarī, M. J. (2000). *Jāmi' al-Bayān fi Ta'wīl al-Qurān*. ed. Aḥmad Muḥammad Shākir. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- World Health Organization. (2011). *Mental Health Atlas*. Geneva: WHO Document Production Service.
- Zubrick, S.R., Williams, A.A., Silburn, S.R., & Vimpani, G. (2000). Indicators of social and family functioning. Retrieved from http://www.fahcsia.gov.au/sa/families/pubs/familiesisff/Documents/full_report.pdf.